

Undang-undang ciptaan manusia tidak semuanya mesti dilaksanakan, tetapi timbangan mesti dibuat – bersalahannya undang-undang Tuhan. Itu pun mesti disabitkan dengan tepatnya. Kerajaan Singapura memandang hak undang-undang negaranya, kerana itu mungkin, walau pun President Soeharto dari Indonesia telah merayu supaya diampunkan dua orang rakyatnya yang terlebih menunaikan “tugas” supaya jangan dijatuhkan hukuman bunuh. Kerajaan Singapura dengan tidak memandang akibahnya kepada umum telah menolak permohonan President Soeharto itu, dan kedua-duanya terus dijatuhkan hukuman bunuh. Retak mencari belah. Rakyat Indonesia menuntut supaya hubungan dengan Singapura diputuskan, tetapi yang nampak hubungan perniagaan yang mulai baik itu retak semula dan membawa akibah, terutamanya kepada saudagar-saudagar yang bergantung hidupnya kepada perniagaan. Kerana nyawa dua orang, nyawa lain orang banyak terkorban serta harta benda banyak yang habis musnah – yang memerintah gaji tetap dapat, tetapi orang awam bagaimana? Inilah akibahnya kalau kurang halus dan kurang fikir.

* * *

Menteri Luar Singapura, S. Rajaratnam menyatakan bahawa hal perselisihan dengan Indonesia hanya seperti gores di badan sahaja. Kita fikir, pendangan ini bukan menyejukkan suasana orang-orang awam di Indonesia, tetapi menambah panas lagi dan mungkin menimbulkan akibat buruk, sebab pandangan orang, nyawa yang sengaja dibunuh itu sangat besar dosanya, terutamanya atas pandangan-pandangan konfrontasi. Al-hamduli'Lah Tengku lain pandangannya dalam soal nyawa seperti ini?



KOPI PAHIT

Banyak pertubuhan-pertubuhan dinamakan pertubuhan-pertubuhan Islam yang tentunya bekerja untuk Islam, tetapi pekerjaannya hanya dijalankan waktu ada majlis-majlis agama membuat kerja-kerja, kemudian sesudahnya dilakukan pula perbuatan-perbuatan yang menentang ajaran-ajaran Islam. Apakah sifat yang demikian ini? Jawabnya – mudhabdhibīn – sekali mengata beriman – sekali menentang iman – tempat orang yang melakukan yang demikian ini, dijanjikan Tuhan di neraka!

* * *

Undang-undang Islam hendak dibuat di Singapura semenjak tahun 1960, ramai suara membantah, pada akhirnya undang-undang itu dibawa dan dipaksa diperbincangkan dalam parliment yang dikuasai oleh parti pemerintah. Masa itu “jawatankuasa bertindak” masih berjuang dan bekerja keras, tetapi sekarang tidak terdengar lagi. Tidak adakah mujahid-mujahid Singapura yang berani menegakkan hukum Allah? Kita hanya bertanya kerana kita tidak ada di sana lagi!

* * *

Perkara Baitul Maqdis diperjuangkan dengan hebatnya oleh ‘ālim Islam di luar negeri. Tugas jihad di atasnya dituntut, tetapi umat Islam di Malaysia, seakan-akan tidak mengenal tugas itu. Rābiṭah al-‘Ālim al-Islāmī di Makkah mengambil usaha yang besar di dalam hal ini. Ia ada mempunyai anggota taksisnya di Malaysia, tetapi mengapa perihal perjuangan Islam membela Baitul Maqdis yang diinjak-injak oleh

Yahudi itu, seolah-olah umat Islam di Malaysia tidak tahu? Ke mana perginya anggota majlis taksis Rābiṭah al-‘Ālim al-Islāmī di Malaysia? – Kita hanya bertanya.

* * *

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dikatakan telah menganjurkan supaya tulisan jawi diajar di sekolah-sekolah, supaya ianya terus hidup bersama-sama dengan perkembangan dan kemajuan negeri ini. Anjuran baginda memang tepat dan keputusan Kongres Bahasa Melayu dahulu hendaklah tulisan jawi dijalankan serentak dengan tulisan rumi, tetapi Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu di dalam langkahnya memperkembangkan huruf jawi ini harus sebagai melepaskan batuk di tangga sahaja, akibatnya pencinta-pencinta tulisan jawi hampir-hampir lupuh, kerana pasaran buku-buku jawi sangat merosot – jadi bagaimana keadaannya? Begitulah nasib tulisan jawi – akhirnya seperti di Indonesia!

* * *

Tuan Ramos Menteri Luar Filipina hanya mahu berunding dengan Tun Abdul Razak kalau Malaysia mengiktiraf Sabah hak Filipina – Apa gunanya berunding dengan orang-orang yang mahu merampas negeri orang kemudian ia minta diakui dan diiktiraf pula negeri yang hendak dirampasnya itu? – Terlalu ! Ya terlalu...!!

- Cemeti Al-Farouk.